

22/10/2001

MTUC minta PM selesai kemelut

KUCHING, Ahad - Kongres Kesatuan Sekerja Malaysia (MTUC) akan meminta Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, campur tangan dalam usaha menyeragamkan Akta Buruh dengan Ordinan Buruh Sarawak 1959, demi faedah lebih 100,000 pekerja di negeri ini.

Ini kerana usaha lima tahun MTUC untuk menyeragamkan beberapa peruntukan dalam Akta Buruh dengan peruntukan Ordinan Buruh Sarawak, masih terbantut berikutan beberapa halangan pada peringkat negeri dan Kerajaan Pusat.

Presiden MTUC, Senator Datuk Zainal Rampak, berkata beliau tidak ada pilihan, selain meminta Perdana Menteri campur tangan dalam soal berkenaan.

Katanya, beliau akan menulis surat kepada Perdana Menteri esok untuk meminta campur tangan dalam perkara itu.

"Kemudian, saya sendiri akan menemui Datuk Seri Dr Mahathir untuk menjelaskan mengapa beliau perlu campur tangan dalam soal berkenaan," katanya kepada pemberita selepas merasmikan Persidangan Perwakilan Tiga Tahun Sekali MTUC Sarawak, di Hotel Grand Continental, di sini petang ini.

Beliau berkata, langkah MTUC itu adalah untuk kepentingan pekerja di negeri ini agar mendapat faedah dari segi undang-undang, sekiranya syarikat tempat mereka bekerja membuang mereka atau gulung tikar berikutan masalah kewangan.

Katanya, MTUC mahu menyeragamkan undang-undang itu agar semua pekerja mendapat faedah sama seperti pekerja di Semenanjung.

Terdahulu dalam ucapannya, beliau meminta kerajaan mengkaji semula kenaikan harga runcit petrol dan diesel, kerana ia adalah nadi penggerak ekonomi negara.

(END)